

DARI SEBULAN KE SEBULAN

Kedadaan payah hidup telah terasa benar di Singapura ini. Ahli-ahli perniagaan semuanya mengeluh kerana kepayahan-kepayahan yang di rasa mereka. Orang-orang yang kena berhenti kerja makin banyak. Sesebuah kedai kecil yang biasa memakai 8 orang, kerana adanya peraturan-peraturan buruh mengurangkan separuh orang-orang iaitu hanya 4 orang sahaja. Pemuda-pemuda yang baharu naik sama ada yang lulus sekolah atau tidak semakin banyak sedang perusahaan-perusahaan tidak mahu menerima mereka berlatih di dalam tempatnya, sebab melatih ertinya bebanan kepada mereka. Ada orang mengira-ngira kasar bahawa orang-orang yang tidak bekerja di Singapura sekarang ada seramai 50,000 orang. Ini adalah korban daripada peraturan-peraturan hendak menyenangkan buruh - akibatnya membunuh buruh sendiri. Untuk keselamatan Singapura: apa tidakkah kerajaan mencari jalan mengubah peraturan-peraturan yang hanya berfaedah untuk buruh sahaja dengan melihat pula kepada tanggungan majikan-majikan kecil yang terasa benar menderita kerana peraturan buruh itu?

* * *

Akibat daripada banyak tidak bekerja kita lihat sendiri, hari mahu hidup senang lalu mengambil atau merampas hak orang. Kita dengar hari-hari kejadian-kejadian seperti ini berlaku sehingga orang ramai terasa bahawa hidup di Singapura ini tidak aman lagi bolehkah ini disalahkan kerana peraturan-peraturan hanya mengutamakan buruh sehingga orang takut hendak menanam modal di Malaya ini? Apa tidakkah

terasa sekarang jika seseorang kena berhenti kerja yang ia tidak ada harapan akan dapat kerja-kerja lagi?

Mudah-mudahan kerajaan menyedari hal ini!

* * *

Central Provident Fund di Singapura telah jaya memungut wang sebanyak \$74,100,000. Ini suatu jumlah yang banyak daripada himpunan wang Provident Fund itu. Daripadanya telah dikeluarkan sebanyak \$2,026,547 sahaja - ertinya tujuh puluh milion masih dalam simpanannya. Wang sebanyak ini tentunya di dapat bukannya dari perusahaan besar sahaja yang cukup modal tetapi juga dari perusahaan-perusahaan kecil yang sentiasa berasa atau terasa dari semasa ke semasa terperah dari tulang keringnya untuk membayar Provident Fund kerana perusahaan-perusahaan kecil itu selain daripada berusaha untuk mengisi perutnya sendiri, kerana sempitnya selalu menderita kerana membayar gaji buruh-buruhnya yang kadang-kadang selalu tidak terbayar disebabkan berat tanggungannya terutamanya dalam masa sulit berniaga sekarang. Keberatan mereka dengan undang-undang dan peraturan buruh ditambah dengan mesti membayar Provident Fund, mereka merasa seperti orang yang telah diperah hingga ke tulang keringnya!

* * *

Apakah ada perhatian kerajaan dalam melegakan penanggungan perusahaan-perusahaan kecil yang terasa diperah itu? Kerajaan sekarang hanya memerhatikan hal buruh sahaja - berat sebelah, sedang hal-hal perusahaan kecil

tidak sedikit pun diperhatikan, pada hal kalau tidak ada perusahaan tidak ada buruh. Ada buruh tidak ada perusahaan tentu tidak jadi sedang Singapura ini *** perusahaan semua bergantung di luar negeri jadi ertinya usaha-usaha itu menghendaki modal. Orang tidak mahu mengeluarkan modal kerana adanya peraturan buruh kerana mengeluarkan modal ertinya memeningkan kepala. Kalau begitu ertinya peraturan buruh adalah membunuh buruh sendiri! Mudah-mudahan ini disedari oleh kerajaan Singapura.

* * *

Seorang Indonesia yang baru sampai dari Jakarta tetapi tak mau namanya disebut telah menceritakan tentang perbuatan jenayah khianat orang-orang yang anti Tuhan di Jakarta pada waktu sembahyang Hari Raya Aidil Fitri yang baru lalu ini. Peristiwa itu tak pernah disiarkan dalam surat khabar-surat khabar, tetapi orang ramai semuanya tahu belaka dan bukannya lagi satu rahsia.

Sebagai biasa di Jakarta, pada tiap-tiap tahun diadakan satu panitia bagi mengurus sembahyang hari raya di tanah lapang. Panitia ini bertugas mengatur mimbar, membuat pagar-pegar tali, memasang mikrofon dan sebagainya. Demikianlah dengan panitia sembahyang hari raya tahun ini, mereka telah bekerja sampai jauh malam untuk mengatur itu semuanya supaya sembahyang hari raya yang akan diadakan esok itu akan menjadi lebih bersemarak dan lebih meriah lagi daripada tahun yang sudah-sudah.

Tetapi apa lacur (perbasaan Indonesia yang menunjukkan kekecewaan) ketika sembahyang akan diadakan ternyata mimbarnya telah diubah orang, bererti kiblatnya sudah

(Lihat di muka sebelah)

Sedikit tentang:

Ijmak Dan Ijtihad

Kata al-Sayyid Rashid Ridha: telah tuan ketahui bahawa ahli Usul Fiqah telah menjadikan ayat ini suatu hujah atas sabitnya “ijmak” itu sebagai punca dan sandaran hukum-hukum syarak, dan telah tuan ketahui juga bahawa setengah-setengah daripada mereka itu mengatakan yang ijmak umat Islam dan ijmak Ulil Amri yang mewakili rakyat itu adalah “ijmā‘ usūli” namanya. Maka apakah takrif yang sebenar bagi ijmak itu?

Adapun “ijmak” menurut istilah kebanyakan ahli usul al-fiqah ialah “persetujuan (ittifāk) ahli-ahli ijtihad kemudian daripada wafat Nabi (S.A.W) dalam suatu masa yang tertentu dan atas sesuatu perkara, barang apa sahaja perkaranya itu.”

Al-Syed Ridha telah mengulas takrif itu, katanya: “menurut takrif ini bahawa persetujuan (ittifāk) setengah-setengah ahli ijtihad walau lebih banyak bilangan mereka - tiadalah terhitung daripada “ijmak”.

Demikian juga tiada terhitung persetujuan orang-orang “muqallid” (bertaklid), atau persetujuan orang-orang yang bukan Islam seperti orang-orang yang dikafirkan dengan sebab mereka melakukan bid‘ah, atau persetujuan orang-orang yang menjadikan Islam itu kebangsaan bukan agama.

Dengan takrif ini juga, takdirnya tidak ada walau seorang pun ahli ijtihad - menurut takrif orang-orang yang mendakwa dirinya daripada ahli al-sunnah wa al-jamā‘ah - dalam suatu zaman, lalu semua orang-orang Islam dalam zaman itu bulat fikiran dan persetujuan atas suatu hukum bagi suatu kejadian yang berlaku dan tak ada nasnya maka kononnya persetujuan orang-orang Islam itu tiada terhitung ijmak.

Bahkan harus pula ulama-ulama Fiqh kita sekarang akan menuduh semua orang Islam itu ‘asī kerana berani berijtihad, malahan tidak

tidak tepat lagi, demikian juga tali-tali pagarnya.

Manusia yang beribu-ribu itu telah duduk bersaf-saf mengikut bentuk tali dan arah kiblat yang telah ada, maka terjadilah keributan untuk membetulkan semula.

Setelah itu ketika khatib membaca khutbah, gangguan pada mikrofon telah pula terjadi sehingga orang-orang di bahagian belakang telah menjerit-jerit mengatakan tidak kedengaran.

Dalam hiruk-pikuk itu tiba-tiba datang satu kumpulan manusia merempuh mimbar khatib, sehingga pegawai keamanan terpaksa ikut campur. Tetapi yang lucunya bukan orang-orang yang mengacau itu yang ditangkap melainkan anggota-anggota panitianya.

Demikian satu peristiwa yang sangat memanas hati kaum Muslimin dan menjadi satu gambaran yang nyata bagaimana kalau di tempat itu ada manusia-manusia yang anti tuhan, yang sudah tentu menjadi pengikut atau suruhan kaum komunis.

(Sambungan dari muka 5)

kelak anak-anak kita itu dibawa oleh arus lain.

Kerana itu ulama-ulama hendaklah bangkit dan bangun bekerja menghidupkan jiwa tauhid dengan suatu cara yang membina dan tertanam ke dalam jiwa pemuda-pemuda. Dengan inilah sahaja usaha itu akan dapat dijalankan dan dapat menjauhkan kita daripada yang demikian.

Berilah usaha-usaha ini kepada mereka yang berkebolehan dan kerajaan perlu menganjurkan orang-orang yang berkebolehan dalam perkara ini untuk menjalankan kerja-kerjanya itu selain daripada usaha-usaha yang dijalankan masa sekarang. Semoga perkembangan komunis di Indonesia itu menjadi perhatian bersama dan dikaji bagi membendung supaya jangan pemuda-pemuda kita dipengaruhi atau terikut-ikut oleh faham komunis.

mustahil ada di antara mereka itu yang ganas mulutnya akan menuduh orang-orang yang berijtihad itu “murtad” kerana berani membuat hukum dan beramal dengannya serta menganggapnya hukum syarak. Berlindunglah kita kepada Allah daripada keganasan mulut orang yang akalunya tergamak menuduh berjuta-juta umat Islam yang berijtihad dan mengakui akan kemaksuman seorang dua atau lebih daripada ahli-ahli ijtihad yang tertentu.

Di dalam kitab “Kashāf Iṣṭilāḥāt Al-Fanūn” ada tersebut: adapun “ijtihad” itu menurut istilah ahli-ahli uṣūl al-fiqah ialah perbuatan seorang ahli fikah yang mencurahkan segala daya upayanya bagi mendapatkan suatu *ẓan* (sangkaan) bagi hukum syarak. Ahli fikah yang berbuat demikian itu dinamakan “mujtahid”.

Seterusnya kitab tersebut menghuraikan syarat-syarat orang mujtahid katanya: bagi orang mujtahid itu dua syarat:

Pertama: mengenal Tuhan Azza Wa Jalla dan sifat-sifat-Nya, membenarkan Rasulullah (S.A.W) dan segala mujizat-Nya, termasuk semua perkara yang di atasnya bergantung ilmu iman. Kesemuanya itu hendaklah diketahui dengan dalil *ajmālī* kalau ia tidak dapat menjalankan. *Tahqīq* dan *tafṣīl* iaitu menurut sebagaimana kelaziman orang-orang yang dalam dan luas pengetahuan mereka di dalam “*ilm al-Qalām*” (*‘ilm ‘aqā’id*).

Kedua: Hendaklah ia seorang yang faham akan punca-punca ambilan hukum dan cawangan-cawangannya, mengetahui jalan-jalan menetapkannya, mengetahui wajah-wajah dan segi tujuannya, mengetahui huraian syarat-syaratnya dan tertib susunannya, mengetahui wajah-wajah *tarjih*nya apakala hukum-hukum bertelingkahan, dan pandai mengelak dan menolak sebarang *i’tirād* yang didatangkan atas hukum-hukum syarak, dengan itu maka seseorang yang hendak menjadi “mujtahid” perlulah baginya mengetahui hal ehwal rawi-rawi hadis, dan jalan-jalan cacat cela dan betul benar rawi-rawi itu, mengetahui pecahan-pecahan nas yang berkait dengan hukum-hukum, dan mengetahui segala jenis ilmu persuratan seperti ilmu karang mengarang, saraf, nahu dan sebagainya.